



## GENDER KETIGA DI MALAYSIA: SUATU SOROTAN DARI PERSPEKTIF ISLAM

*THIRD GENDER IN MALAYSIA: AN INSIGHT FROM THE PERSPECTIVE OF ISLAM*

Nurhidayah Muhamad Sharifuddin<sup>1\*</sup>, Mohd Anuar Ramli<sup>2</sup>

- <sup>1</sup> Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur/  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA,Cawangan Perak, Kampus Seri  
Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia.  
Email: hidayahsharifuddin@uitm.edu.my
- <sup>2</sup> Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur.  
Email: mohdanuar@um.edu.my
- \* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 20.03.2023

Revised date: 14.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 27.06.2023

#### To cite this document:

Sharifuddin, N. M., & Ramli, M. A. (2023). Gender Ketiga Di Malaysia: Suatu Sorotan Dari Perspektif Islam . *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 412-421.

DOI: 10.35631/IJLGC.832031.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### Abstrak:

Era pascaglobalisasi yang serba mencabar akal dan minda zaman kini semakin membuatkan manusia berani melakukan sesuatu di luar norma budaya setempat serta syariat Islam. Situasi bertambah genting apabila terdapat sebuah pihak cuba membuka ruang untuk mengiktiraf golongan gender ketiga di Malaysia. Jika usaha ini diteruskan, ia akan memberi peluang besar kepada golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) yang selama ini memperjuangkan hak asasi supaya mereka diterima oleh masyarakat tanpa didiskriminasi dalam pelbagai aspek. Polemik yang melanda ini telah membuka mata banyak pertubuhan bukan kerajaan atau Non-Governmental Organisation (NGO) dan tokoh tempatan tampil bersama-sama mengekang usaha pengiktirafan tersebut. Hal ini kerana budaya ini jelas di dalam agama Islam bertentangan dengan fitrah dan syariat Islam serta tidak selari dengan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan prinsip keagamaan Islam. Justeru kertas kerja ini akan membincangkan konsep gender ketiga dari perspektif Islam dan kesannya kepada masyarakat Islam di Malaysia. Bagi mencapai objektif tersebut, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dengan aplikasi kaedah kepustakaan sepenuhnya. Data yang dikumpulkan dianalisis secara induktif untuk merumuskan dapatan kajian. Hasil kajian mendapati budaya gender ketiga perlu dibendung sepenuhnya sebelum ianya tersebar luas ke dalam masyarakat Islam kerana berlawanan dengan tuntutan agama Islam dan budaya setempat. Sebarang usaha untuk mengiktiraf budaya ini perlu dikekang habis-habisan kerana ia akan mendorong berlakunya pelbagai perbuatan yang dilarang syarak. Pelbagai

pihak perlu memainkan peranan dan berganding bahu supaya isu ini dapat diselesaikan demi kemaslahatan umat Islam khususnya di negara ini.

**Kata Kunci:**

Budaya Setempat, Gender Ketiga, LGBT, Syariat Islam

**Abstract:**

The post-globalization era, which is increasingly challenging the intellect and minds of the present time, is causing people to dare to do things outside of local cultural norms and Islamic law. The situation becomes more urgent when there are attempts to open up space for recognizing the third gender in Malaysia. If this effort continues, it will provide a significant opportunity for the Lesbian, Gay, Bisexual, and Transgender (LGBT) community, which has been advocating for their human rights to be accepted by society without discrimination in various aspects. This controversial issue has opened the eyes of many Non-Governmental Organizations (NGOs) and local figures who have come together to restrain the recognition effort. This is because this culture clearly contradicts the nature of Islam and Islamic law and is not in line with Malaysia's position as a country that practices Islamic religious principles. Therefore, this paper will discuss the concept of the third gender from the perspective of Islam and its impact on the Islamic community in Malaysia. To achieve this objective, the researcher uses a qualitative approach with full application of the literature review method. The collected data is analyzed inductively to formulate research findings. The study found that the third-gender culture needs to be completely curbed before it spreads widely in the Islamic community because it contradicts the demands of Islamic religion and local culture. Any effort to recognize this culture needs to be firmly restrained, as it will encourage various actions prohibited by Islamic law. Various parties need to play a role and work together to resolve this issue for the benefit of the Muslim community, especially in this country.

**Keywords:**

Local Culture, Third Gender, LGBT, Islamic Sharia

## Pendahuluan

Keasyikan manusia dalam menongkah arus pemodenan teknologi kadang-kadang membuatkan mereka lalai akan isu-isu yang melanda sensitiviti umat Islam masa kini. Bangkitnya golongan aliran pemikiran liberalisme memperjuangkan gerakan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) atas dasar hak asasi manusia, tambahan terdapat usaha untuk mengiktiraf gender ketiga telah mencetuskan ancaman yang besar kepada masyarakat Islam di Malaysia (Ramli, 2022). Lebih mencabar lagi apabila golongan ini semakin bijak menggunakan teknologi untuk meraih populariti dan solidariti seperti di media sosial untuk menyebarkan propaganda mereka (Sharifuddin et al., 2020). Menurut Rahman et al. (2015), penglibatan masyarakat Malaysia yang berdaftar di laman-laman sosial LGBT secara umumnya menunjukkan masyarakat Melayu berada dikedudukan kedua tertinggi selepas masyarakat Cina yang mencatatkan peratusan sebanyak 70%. Lebih membimbangkan apabila terdapat kajian mendapati bahawa 90.5% profil Melayu adalah terdiri daripada golongan belia dalam lingkungan umur 20-39 tahun. Jika kita lihat, pelbagai negara seluruh dunia telah mengiktiraf gender ketiga dari sudut undang-undang negara mereka. Hasil daripada

pengiktirafan tersebut menyebabkan berlaku perubahan kepada dokumen-dokumen rasmi seperti pada dokumen pengenalan diri, dokumen lesen memandu dan paspot antarabangsa yang mana pelbagai simbol diperkenalkan menandakan mereka adalah dalam kategori gender ketiga. Jika usaha pengiktirafan ini turut berlaku di Malaysia, tidak mustahil sebuah undang-undang khusus akan dicadangkan memihak kepada golongan gender ketiga di Malaysia. Oleh itu, kajian ini membincangkan konsep gender ketiga dari perspektif Islam dan kesannya kepada masyarakat Islam di Malaysia.

### **Metodologi Kajian**

Metodologi kajian adalah penting supaya penyelidikan yang dijalankan mempunyai kaedah yang paling sesuai dan berkesan dalam menjawab permasalahan kajian. Kajian ini berteraskan tema kajian kepustakaan menerusi pendekatan kajian kualitatif. Kaedah kualitatif memerlukan pemerhatian yang teliti untuk mendapatkan maklumat yang berkualiti bersandarkan kepada bilangan sampel yang kecil. Kajian kes adalah bersesuaian dengan kaedah penyelidikan kajian ini. Hal ini kerana data yang diperolehi daripada kaedah kajian kes ini akan dikumpul dan dibentuk menjadi satu pernyataan sebagai hasil kajian. Metode pengumpulan data dilakukan secara dokumentasi yang diperoleh daripada tesis, artikel ilmiah, ensiklopedia, buku. Data yang diperolehi berbentuk fakta dan persepsi kemudiannya dianalisis bersesuaian dengan kehendak kajian. Data-data dianalisis secara induktif dan disusun mengikut tema dan dirumuskan dalam bentuk jadual dan rajah. Kaedah analisis kandungan adalah kaedah yang melibatkan proses pembacaan dan penelitian terhadap bahan-bahan ilmiah untuk pengkaji jadikan sumber asas dalam memperoleh data atau maklumat dalam kajian ini. Rujukan-rujukan berkaitan yang dikenal pasti disaringkan, diklasifikasikan, dianalisis dan diulas secara ringkas.

### **Konsep Gender**

Istilah gender merupakan suatu kontrak sosial yang merujuk kepada bagaimana masyarakat perlu berfikir untuk membezakan antara jantina lelaki dan perempuan dari aspek tingkah laku, psikologi, peranan serta sosial mereka (WHO, t.t; Manoek et al., 2014; Siann, 2013; Pryzgoda & Chrisler, 2000). Menurut Ismail (2015), gender mempunyai perkaitan rapat dengan sifat maskulin atau feminin seseorang. Ia merupakan gambaran kecenderungan seseorang terhadap pemikiran, personaliti dan identiti berkaitan kelakian atau kewanitaan mereka. Contohnya bagi lelaki, mereka mempunyai sifat maskulin seperti kuat, gagah serta rasional dan menjadi norma masyarakat seorang anak lelaki di ajar untuk hidup secara lasak kerana perbuatan tersebut akan membina konstruk sosial yang gendernya maskulin. Manakala perempuan pula mempunyai sifat feminin seperti lemah lembut, halus, sopan serta penakut dan seorang anak perempuan di ajar untuk bermain anak patung yang akan membina konstruk sosial feminin.

Manakala seks atau jantina pula ditentukan melalui ciri-ciri biologi dan fisiologi manusia yang membezakan antara keduanya (Hermawati, 2007; Ramli, 2012; Marini, 1990; Newman, 2021; Newman, 2002). Jantina lelaki dikenalpasti dengan adanya organ reproduktif zakar manakala jantina perempuan mempunyai organ reproduktif faraj. Selain itu, jantina juga boleh ditentukan dengan bilangan kromosom X dan Y di dalam diri mereka (Eckert & McConnell-Ginet, 2013; Thompson et al., 2022).

### **Gender Ketiga**

Menurut Kamble & Bose (2019), gender ketiga merupakan kelompok yang dinilai berdasarkan personaliti, penampilan, sikap, tingkah laku yang berbeza dengan norma masyarakat. Terdapat di antara mereka yang memilih untuk tidak dikenali sebagai lelaki atau wanita (Oxford

Learner's Dictionaries). Ia mewakili keadaan pertengahan antara lelaki dan wanita atau menjadi kedua-duanya (Ahmed, 2018). Kelompok ini berada di bawah spektrum gender yang bersifat bukan binari sehingga semakin hari semakin bertambah besar kelompok gender mereka. Antaranya termasuklah lesbian, gay, transgender, biseksual, queer, intersex, pansexual, gender fluid, kink, ally dan banyak lagi.

Budaya gender ketiga ini semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat masa kini. Kita boleh lihat impak kepada usaha mereka yang memperjuangkan hak asasi gender ketiga telah membawa hasil apabila banyak negara telah memberi pengiktirafan dari sudut undang-undang khususnya. Antara negara-negara yang telah mengiktiraf golongan ini termasuklah Jerman, Perancis, Australia, Bangladesh, Nepal dan banyak lagi. Keberhasilan pengiktirafan ini telah membawa perubahan besar dalam urusan-urusan rasmi seperti pertambahan pilihan "not specified" bagi kes kanak-kanak variasi intersex, pilihan gender ketiga untuk dokumen pengenalan diri dan lesen memandu, memperkenalkan "X" - "unspecified" (tidak ditentukan) dan "T" untuk pilihan jantina pada paspot antarabangsa dan lain-lain (Brown, 2017; Taipei Times, 2018; Aziz, 2019; Sifat, 2020). Selain itu, Nepal turut menjadi negara pertama yang mewujudkan kategori jantina ketiga iaitu "other" atau "O" pada dokumen kewarganegaraan (Knight et al., 2015; Mishra, 2016). Penggunaan terma "hijra" digunakan merujuk kepada kelompok gender ketiga di kawasan Asia Selatan yang mana terma-terma ini merujuk kepada golongan khunsa atau sida iaitu lelaki yang dikasi (Nanda, 1999; Khan et al., 2009).

Selain itu, gender ketiga turut berada di bawah spektrum gender yang bersifat bukan binari (non-binary). Golongan ini semakin berkembang dari semasa ke semasa serta mempunyai pelbagai variasi (Ramli, 2022) dan ini dapat dibuktikan melalui kewujudan beberapa istilah yang digunakan oleh mereka untuk menggambarkan populasi ini (Ramanathan&Bhavanani, 2018). Bermula dengan hanya LGBT yang melambangkan gender-gender yang bertentangan dengan gender binari sehinggalah tercetusnya akronim yang lain masa kini seperti LGBTQ, LGBTQ+, LGBTQI, LGBTQI+, LGBTQIA, LGBTQIA+, LGBTQ2S+, LGBTQIAPK, LGBTQQIP2SAA, LGBTQQICAPF2K+, LGBTIQCAPNGFNBA dan lain-lain. Rajah 1 menunjukkan huriahan bagi setiap akronim tersebut.

**Rajah 1: Akronim Gender Bukan Binari**

AKRONIM	NAMA PENUH	DEFINISI
L	Lesbian	Seorang wanita yang tertarik kepada wanita lain sama ada secara seksual, emosi atau kedua-duanya.
G	Gay	Seorang lelaki yang tertarik kepada wanita lain sama ada secara seksual, emosi atau kedua-duanya.
B	Biseksual	Individu yang tertarik kepada lebih daripada satu identiti jantina.
T	Transgender atau ringkasnya "trans"	Merujuk kepada seseorang yang identiti jantinanya berbeza daripada yang dilahirkan kepada mereka semasa lahir.
C	Cisgender	Merujuk kepada orang yang benar-benr mengenalpasti sebagai jantina yang diberikan kepada mereka semasa lahir.
Q	Queer	Istilah umum untuk sesiapa sahaja yang tidak lurus atau cisgender.

I	Intersex	Orang yang dilahirkan dengan sifat yang menghalang mereka untuk menyesuaikan dengan jantina kelahiran mereka. Ciri ini boleh berubah dari aspek biologi, hormon, genetik atau anatomi.
A	Androgynous	Individu yang mahu dikenalpasti sebagai bukan maskulin mahupun feminin. Sebaliknya mereka adalah campuran atau jantina tidak tentu.
Q	Questioning	Merujuk kepada sesiapa sahaja yang tidak pasti tentang orientasi seksual atau identiti jantina mereka.
P	Pansexual	Individu yang tertarik secara seksual dan/atau emosi kepada semua identiti jantina.
2S	Two spirit	Istilah umum yang digunakan untuk menggambarkan ahli budaya orang asli Amerika yang memenuhi jantina ketiga atau varian lain dalam peranan sosial.
A	Asexual	Individu yang tidak mempunyai tarikan seksual kepada orang lain tidak kira identiti.
GN	Gender Nonconforming	Individu yang mungkin trans atau intersex, tetapi mereka juga mungkin mengambil norma jantina yang berbeza, seperti butch (lesbian bertingkah laku maskulin), femmes (lesbian bertingkah laku feminin) dan tomboy.
GF	Gender Fluid	Individu yang jantinya mungkin berubah sepanjang hayatnya.
NB	Non-binary	Individu yang mungkin mengenalpasti sebagai lebih daripada satu jantina atau tiada jantina sama sekali.
K	Kink	Rasa atau tingkah laku seksual yang tidak konvensional.
A	Agender	Individu yang tidak mempunyai jantina. Sesetengah individu menggambarkannya sebagai mempunyai "kekurangan jantina" manakala yang lain menggambarkan diri mereka sebagai jantina neutral.
A	Ally	Individu heteroseksual dan cisgender yang menyokong hak sivil, kesamarataan jantina dan pergerakan sosial LGBTQ+.
P	Polysexual	Individu yang tertarik secara seksual dan/atau romantik kepada pelbagai jantina.

Bagaimanapun polemik gender ketiga di Malaysia menjadi perhatian apabila sebuah organisasi telah memuat naik iklan untuk mencari penyelidik bagi kajian “The Research on Feasibility of Having Legislation on The Recognition of a Third Gender in Malaysia”. Perkara ini telah mencetuskan kontroversi yang hangat kerana ianya seakan memberi ruang dan peluang kepada usaha untuk mengiktiraf dan cubaan menormalisasikan golongan gender ketiga di negara kita. Walaupun skop golongan gender ketiga di Malaysia lebih tertumpu kepada golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) yang saban hari menuntut hak kebebasan asasi mereka, namun barah ini wajib dibendung sebelum merebak dengan lebih meluas lagi, seperti di negara-negara luar. Banyak tindangan dilakukan oleh pelbagai pertubuhan bukan kerajaan

atau Non-Governmental Organisation (NGO) dan tokoh tempatan mengenai usaha pengiktirafan ini. Hal ini kerana banyak implikasi yang bakal timbul sekiranya usaha ini berjaya, khususnya kepada generasi muda yang mudah terpengaruh dengan perkembangan budaya yang bertentangan dengan ajaran Islam. Selain itu, pengiktirafan gender ketiga turut memberi kesan kepada perundangan syariah kerana dibimbangi akan membawa kepada pemansuhan perundangan sedia ada berkait rapat dengan aktiviti golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) dalam undang-undang kesalahan jenayah syariah negeri.

### ***Gender Ketiga Menurut Perspektif Islam***

Hal berkaitan penciptaan manusia banyak dikisahkan di dalam al-Quran. Firman Allah SWT:

Maksudnya: “*Sesungguhnya benar Kami ciptakan manusia dengan bentuk yang sebaik-baiknya*” (Surah at-Tin:4)

Fitrah kejadian lelaki dan perempuan yang mana merupakan aturan semulajadi menjadi bukti keagungan dan kekuasaan Allah SWT. Firman Allah SWT:

Maksudnya: “*Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)*” (Surah al-Hujurat:13)

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa tiada kewujudan selain dua jantina yang diciptakan iaitu lelaki dan perempuan. Namun, terdapat juga manusia yang dilahirkan secara semulajadi mempunyai dua alat kelamin lelaki dan perempuan. Kes sebegini disebut sebagai khunsa di dalam Islam.

Kita boleh menyelusuri sejarah manusia terdahulu dimana tiada agama Samawi atau manama budaya yang mengiktiraf gender yang tidak jelas ini. Hal yang demikian boleh diambil iktibar daripada kisah kaum Nabi Allah Luth yang menerima balasan yang maha dahsyat disebabkan melakukan perbuatan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Jika kita lihat tiada satu hadis Nabi SAW yang mengiktiraf mereka sebagai gender ketiga malah baginda SAW membuat pelbagai langkah untuk mencegah hal ini dari terus berleluasa seperti membataskan pergaulan, mengasingkan dan buang daerah kepada pelaku-pelaku tersebut.

*Dari pada Ummu Salamah bahawa Nabi SAW ada disisinya. Sedangkan dalam rumah itu ada mukhannath. Kata mukhannath tadi kepada Abdullah bin Abi Umayyah, saudara Ummu Salamah, "Jika Allah membuka bagi kamu esok bumi Taif, nescaya aku tunjukkan kamu anak perempuan Ghaylan, dia menghadap dengan empat dan membela kangimu dengan lapan. Nabi SAW pun bersabda, "Jangan kamu membawa masuk ini ke atas kamu"* (Riwayat al-Bukhari, no. Hadis: 2535).

Dalam perbincangan berkaitan hukum gender ketiga dibincangkan merujuk kepada golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) yang wujud di Malaysia. Seperti yang diketahui, perbuatan dan tingkah laku golongan ini bertentangan dengan ajaran Islam. Hal ini kerana mereka berperilaku songsang dan mengubah alat kelamin serta anggota tubuh jantina demi memenuhi orientasi seksual dan identiti gender mereka. Larangan melakukan perkara di atas termaktub di dalam al-quran, firman Allah SWT:

Maksudnya: “Dan aku (syaitan) benar-benar akan menyesatkan mereka, dan akan membangkitkan angan-angan kosong pada mereka dan menyuruh mereka (memotong telinga ternak), lalu mereka benar-benar memotongnya, dan akan aku suruh mereka (mengubah ciptaan Allah), lalu benar-benar mereka mengubahnya. Barangsiapa yang menjadikan syaitan menjadi pelindung selain Allah, maka sesungguhnya ia menderita kerugian yang nyata” (Surah an-Nisa’:119)

Selain itu, Rasulullah SAW turut melaknat perbuatan menyerupai lelaki atau perempuan yang menyerupai jantina yang bertentangan dengan jantina asal mereka. Perbuatan membuat perubahan kepada diri dan tubuh badan adalah sesuatu yang melanggar hukum Islam tidak kira sama ada lelaki atau perempuan. Hal ini kerana perbuatan tersebut termasuk dalam perbuatan taghyir dan tasyabbuh (Hamdan et al., 2015). Seperti hadis Nabi SAW:

*Ibnu Abbas r.a berkata: Nabi SAW melaknat al-mukhannathin (lelaki yang menyerupai wanita) dan melaknat al-mutarajjilat (wanita yang menyerupai lelaki). Dan Nabi bersabda, "Keluarkan mereka dari rumah-rumahmu". Kata Ibnu Abbas, "Nabi SAW telah mengeluarkan seorang lelaki dan Umar pernah mengeluarkan seorang wanita" (Riwayat al-Bukhari, no. Hadis: 333)*

Tambahan lagi, larangan ini diperkuatkan lagi dengan tegahan dari Nabi SAW yang menegaskan:

*Maksudnya: "Allah melaknat pembuat tatu, orang yang meminta supaya dibuatkan tatu kepadanya, orang yang mencukur kening, serta menjarangkan gigi dengan tujuan untuk kecantikan dan golongan yang mengubah ciptaan Allah" (Sahih al-Bukhari)*

Jika kita lihat dari sudut peruntukan sistem perundangan di Malaysia bagi golongan gender ketiga masih lagi tidak jelas kerana tiada undang-undang spesifik yang digubal secara menyeluruh untuk membendung gejala ini secara efisien sama ada untuk yang beragama Islam atau yang bukan beragama Islam (Malib & Mustafa, 2014). Peruntukan perundangan yang digubal terhadap golongan gender ketiga adalah dari sudut kesalahan lelaki yang berlagak atau berpakaian seperti perempuan dan perempuan berlagak atau berpakaian seperti lelaki dan Hukuman yang dikenakan ke atas kesalahan ini adalah denda sebanyak RM1,000.00 maksimum dan/atau penjara selama 6 bulan (Abd. Hamid et al., 2015). Disini dapat dilihat bayaran denda yang dikenakan amat rendah dan tidak memberi kesulitan kepada mereka untuk membayarnya. Hal ini kerana disamping mereka mempunyai perniagaan sendiri, mereka juga didokong oleh badan-badan bebas yang sentiasa berada dibelakang golongan ini dan sedia menghulurkan apa juu bantuan yang diperlukan.

Oleh itu dapat disimpulkan bahawa status hukum gender ketiga tidak disebut secara khusus di dalam Islam. Namun, perbuatan ini adalah perbuatan yang dilaknat dan mendapat kejian daripada Allah dan Rasul. Hal ini kerana gender ketiga merupakan satu gender yang dicipta oleh manusia dan ianya bertentangan dengan fitrah penciptaan manusia. Di samping itu, perbuatan tersebut berlaku disebabkan oleh dorongan hawa nafsu dan hasutan syaitan. Sesuatu perbuatan yang dilakukan mengikut hawa nafsu pasti akan membawa manusia ke arah kesesatan dan kezaliman seperti firman Allah SWT dalam surah al-Qasas ayat 50:

Maksudnya: "...maka ketahuilah bahawa mereka mengikuti keinginan hawa nafsu mereka. Dan siapakah yang lebih sesat daripada orang yang mengikuti keinginannya tanpa mendapat petunjuk daripada Allah sedikitpun? Sungguh, Allah tidak memberi petunjuk kepada orang yang zalim." (Surah al-Qasas: 50)

### **Kesimpulan**

Justeru, kita dapat lihat bahawa polemik gender ketiga khususnya di Malaysia bukanlah satu isu yang perlu diambil enteng lagi. Perubahan dunia kini telah mengikis etika dan peradaban dalam diri seseorang sehingga mampu membuatkan mereka mencabar aturan Maha Pencipta. Kebimbangan ini semakin meluas terutamanya kepada generasi muda Islam yang bakal menjadi pemimpin dan tonggak negara serta agama yang senang terpengaruh dengan budaya-budaya asing. Dengan kehadiran teknologi yang semakin canggih telah membantu mempromosikan lagi mereka melalui media sosial, seterusnya mencambahkan keberanian untuk berada di khalayak ramai dengan ideologi songsang yang di luar norma masyarakat Islam khususnya. Gerakan memperjuangkan hak asasi manusia tanpa lelah dan jemu bergerak secara aktif disamping sokongan daripada kelompok yang berfikiran liberalisme menyebabkan hal ini menjadi parah dari semasa ke semasa. Oleh itu, terdapat keperluan untuk memastikan bahawa masyarakat Islam untuk lebih mengambil berat dan berpengetahuan mengenai isu ini yang berlaku di negara kita. Hal ini perlu diambil tindakan segera selari dengan tuntutan Islam kerana isu ini bukanlah satu isu yang kecil. Jelas menunjukkan banyak keburukan yang bakal berlaku sekiranya isu ini tidak dibendung seperti perlakuan seks sejenis, perkahwinan sejenis dibenarkan serta penipuan jantina. Adalah disyorkan supaya peruntukan undang-undang Syariah yang sedia ada perlu dipertambahbaikan dari segi sudut peningkatan hukuman supaya isu ini dapat dibendung daripada terus merebak ke generasi yang akan datang disamping pengukuhan terhadap penghayatan agama juga perlu dititikberatkan dalam diri setiap individu di Malaysia agar tidak menjelaskan generasi dan negara masa akan datang.

### **Pengakuan**

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penyelidikan ini.

### **References**

- Ab Hamid, N., Abd Wahab, N. A., Man, N. C., Shaari, M. N. G., & Musa, P. I. P. (2015). Gejala Transgender di Malaysia: Sorotan Awal Kajian dari Perspektif Islam dan Undang-undang. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 1-27.
- Ahmed, T.M.A (2018). Social Construction of Third Gender: A Case Study of Urban Kashmir. *Researchers World Journal of Arts Science & Commerce*.
- Aziz A, Azhar S (2019). Social exclusion and official recognition of Hijra in Bangladesh. *J Res Women Gend.* 2019; 9: 3-19.
- Brown M "Female, male or non-binary: California legally recognizes a third gender option on identification documents" USA Today 19 October 2017, available at <https://www.usatoday.com/story/news/nation-now/2017/10/19/female-male-non-binary-california-legally-recognizes-thirdgenderidentificationdocuments/779188001/>.
- Eckert, P., & McConnell-Ginet, S. (2013). Language and gender. Cambridge University Press.
- Hamdan, M.N., Ramlie, M.A., Rahman, N.N.A, & Zulbahri, A.A.I. (2015). Pemindahan Organ Reproduktif daripada Perspektif Fatwa Semasa. *Journal of Fatwa Management and Research*, 5 (1), 107-124.
- Hermawati, T. (2007). Budaya Jawa dan kesetaraan gender. *Jurnal Komunikasi Massa* 1, No. 1, 18-24.

- Ismail, M. K. A. (2015). *Suami Gay Isteri Mak Nyah*. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Kamble, P., & Bose, D. (2019). Problems of third gender in Maharashtra: A study from social exclusion to social inclusion. *IAHRW International Journal of Social Sciences Review*, 7(6-I), 1958-1961
- Khan, S. I., Hussain, M. I., Parveen, S., Bhuiyan, M. I., Gourab, G., Sarker, G. F., Arafat, S. M., & Sikder, J. (2009). Living on the extreme margin: social exclusion of the transgender population (hijra) in Bangladesh. *Journal of health, population, and nutrition*, 27(4), 441–451. <https://doi.org/10.3329/jhpn.v27i4.3388>.
- Knight, K. G., Flores, A. R., & Nezhad, S. J. (2015). Surveying Nepal's third gender: Development, implementation, and analysis. *Transgender Studies Quarterly*, 2(1), 101-122.
- Malib, M. A., & Mustafa, D. M. S. A. (2014). Gejala Transeksual: Implikasi Yang Membimbangkan, Bagaimana Keprihatinan Kita?. dalam *Jurnal "Business and Social Development*, 2(02).
- Manoek S-L, Mbwana J, Ludwig S, Kheswa S, Brown B & van der Merwe L (2014). Police sensitisation training manual: a guide for South African Police Service (SAPS) officers to the rights of sex workers and the LGBTI community Cape Town: Women's Legal Centre.
- Marini, M. M. (1990, March). Sex and gender: What do we know? In *Sociological forum* (Vol. 5, No. 1, pp. 95-120). Kluwer Academic Publishers-Plenum Publishers.
- Mishra, A. (2016). Third Gender Rights: The Battle for Equality. *Christ University Law Journal*, 5(2), 9-21. <https://doi.org/10.12728/cuj.9.2>.
- Nanda, S. 1999. *Neither Men Nor Women: The Hijras of India*. London: Wadsworth.
- Newman T (2021). "Sex and gender- what's the difference?" *Medical New Today*, available at <https://www.medicalnewstoday.com/articles/232363.php>.
- Newman, L. K. (2002). Sex, gender and culture: Issues in the definition, assessment and treatment of gender identity disorder. *Clinical child psychology and psychiatry*, 7(3), 352-359.
- Oxford Learner's Dictionaries. <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/third-gender>
- Pryzgoda, J., & Chrisler, J. C. (2000). Definitions of gender and sex: The subtleties of meaning. *Sex roles*, 43(7), 553-569.
- Rahman, K. A. A., Nizam, M. M., & Azam, A. B. M. (2015). Profil Masyarakat Melayu Malaysia Di Media Sosial Yang Mempromosikan LGBT. *Isu-Isu Semasa Media dan Dakwah*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Ramli, M. A. (2012). Analisis Gender Dalam Hukum Islam. *Jurnal Fiqh*, 9, 137-162.
- Ramli, M. A. (2022). Usaha Untuk Mengiktiraf Gender Ketiga. In book: *Paradigma Ilmu Islam Dan Realiti Semasa* Publisher: UITM Seri Iskandar.
- Ramanathan, M., & Bhavanani, A. B. (2018). Understanding The Third Gender: A Yogic Perspective. IDY National Seminar-cum-CME at SBV, Pondicherry. 57-62.
- Sharifuddin, N. M., Ramli, M. A., Jamil, A. N. & Ibrahim, A. (2020). Gejala Penyilangan Gender Dalam Dunia Digital Di Era Revolusi Industri 4.0 Dari Perspektif Hukum Islam. Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Antarabangsa 2020, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Siann, G. (2013). *Gender, sex and sexuality: Contemporary psychological perspectives*. Taylor & Francis.
- Sifat R. I. (2020). The effect of COVID-19 on hijra (third gender) people in Bangladesh. *The lancet. Psychiatry*, 7(12), 1015–1016. [https://doi.org/10.1016/S2215-0366\(20\)30464-8](https://doi.org/10.1016/S2215-0366(20)30464-8).

Taipei Times "Third gender on passports possible: foreign ministry", 5 Januari 2018,  
<https://www.taipeitimes.com/News/taiwan/archives/2018/01/05/2003685223>.

Thompson, L., Sarovic, D., Wilson, P., Sämfjord, A., & Gillberg, C. (2022). A PRISMA systematic review of adolescent gender dysphoria literature: 1) Epidemiology. *PLOS Global Public Health*, 2(3), e0000245.

World Health Organization "Gender equity and human rights". <http://www.who.int/gender-equity-rights/understanding/gender-definition/en/>.